

APLIKASI QIYAS DALAM IBADAT

Pendahuluan

Qiyas merupakan sumber keempat dalam perundangan Islam yang tidak berdiri sendiri tetapi bergantung kepada dua sumber utama iaitu daripada al-Quran dan Hadis. Ia adalah perluasan hukum dari sumber dua utama ini kepada perkara baharu yang tiada lagi hukum apabila terdapat persamaan dari sudut illah. Perkara baharu itu diberikan hukum yang sama dengan yang asal. Qiyas berperanan untuk menetapkan hukum kepada perkara baharu yang tidak mempunyai nas yang khusus. Kaedah ini perlu digunakan untuk menetapkan hukum kepada pelbagai masalah yang timbul khususnya di akhir zaman ini. Ia dapat menyelesaikan permasalahan hukum dalam banyak perkara untuk panduan umat Islam.

Penentuan hukum dalam Qiyas berdasarkan kepada persamaan illah sebab dalam hukum kepada perkara yang asal dan perkara yang baharu. Namun, dalam menentukan illah ini, terdapat perbezaan pandangan ulama kerana terdapat sesetengah orang berpegang dengan kaedah “Asal dalam ibadat ialah tawaqquf”. Tawaqquf di sini bermaksud tidak membuat rekayasa melainkan apa yang disebutkan di dalam nas sahaja. Contohnya, tidak boleh membuat Qiyas untuk menetapkan 30 hari puasa Syawal ke atas 30 hari puasa Ramadan. Ketetapan puasa Syawal dan Ramadan itu hanya dibuat dengan nas, bukan dengan qiyas. Dengan kata lain, tidak boleh mencipta ibadat melainkan hanya apa yang disebutkan oleh nas sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perincian yang membenarkan Qiyas ke atas ibadah ini dilakukan dengan syarat hukum terhadap perkara asal itu boleh dikeluarkan illahnya. Kertas yang ringkas ini akan menghuraikan Qiyas ke atas ibadah dan implikasinya kepada hukum.

Pengenalan Qiyas

Qiyas ialah menyamakan hukum suatu perkara yang tidak ada nas dengan suatu perkara yang sudah ada hukum berdasarkan kepada nas kerana persamaan ‘illat sebab dalam dua perkara itu. Sebagai contoh, Qiyas pengharaman dadah terhadap arak. Sebagaimana arak dihukum haram kerana memabukkan, maka dadah pun diletakkan hukum yang sama kerana ada persamaan *illah* pada keduanya iaitu memabukkan. Pengharaman Arak jelas disebutkan dalam al-Quran manakala dadah tidak disebutkan dalam mana-mana nas. Ia merupakan perkara baharu yang tidak wujud pada zaman pensyariatkan ketika hayat Rasulullah SAW. Hukum pengharaman arak dikategorikan sebagai hukum asal, manakala hukum pengharaman dadah dikategorikan sebagai hukum *far’* (cabang) atau hukum baharu.

Qiyas diterima sebagai sumber hukum yang keempat dalam Islam. Penerimaan ini disebabkan sesuatu hukum itu boleh difikirkan illahnya. Maka, suatu kejumudan dalam agama akan berlaku sekiranya hukum itu tidak diluaskan kepada perkara yang baharu sedangkan ia mempunyai illah yang sama. Oleh kerana nas itu terhad manakala masalah itu tidak terhad, maka di sini terletak kewajaran menggunakan Qiyas untuk meletakkan hukum dalam perkara yang baharu.

Tidak Boleh Qiyas Dalam Ibadah?

Qiyas merupakan suatu kaedah dalam menentukan hukum dengan cara meluaskan hukum asal kepada hukum yang baharu kerana ada persamaan dari sudut illah. Ia hanya boleh

dilakukan dalam nas yang boleh difahami illahnya supaya dapat diaplikasikan kepada perkara yang tidak terdapat nas. Perkara ini jelas dan disepakati oleh majoriti ulama. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama dalam menerima Qiyas dalam perkara ibadat. Ia berasaskan kepada perbezaan pandangan dalam kalangan mereka dalam menanggapi perkara ibadat; adakah ia dapat dikeluarkan illah dan difikirkan sebab atau tidak boleh.

Ibadat ialah amalan yang menuntut untuk kita menjadi orang taat dan patuh pada perintah Allah dan menjaga hak Allah. Ketaatan dan kepatuhan itu menjadi matlamat utama berbanding dengan matlamat yang lain dan menjaga hak selain Allah. Solat dan wuduk merupakan perkara ibadat yang dilakukan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah. Ia berbeza dengan hukum talak, nafkah, hukum qisas yang bertujuan menjaga hak dan kepentingan manusia. Oleh sebab itu, hukum ini tidak dimasukkan dalam ibadat biarpun semua itu adalah hukum. Ulama' membahagikan hukum fiqh kepada ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat.

Dengan ini, sebahagian hukum yang terdapat ibadat ini dinamakan dengan *taabbudi* iaitu perkara yang tidak dapat dilogikkan atau dipastikan illah, sebab dan maknanya. Contohnya bilangan rakaat dan jumlah solat. Dalam masa yang sama, terdapat hukum yang boleh difikirkan maknanya dan dilogikkan biarpun dalam perkara ibadat.

Dengan ini, terdapat dua aliran dalam memahami perkara ini iaitu

- 1- Qiyas dibolehkan sama ada dalam perkara Ibadat atau bukan ibadat asalkan perkara itu dapat difahami illahnya. Aliran ini dipelopori oleh Syafiyyah dan Majoriti Ahli Usuliyin.

Menurut Imam al-Ghazali dalam kitabnya al-Mustasfa "Mana-mana hukum syara' yang boleh dikeluarkan illah daripadanya, maka qiyas boleh berlaku padanya". Menurut Imam al-Isnawi dalam kitabnya Nihayat al-Sul "Perkara yang tidak boleh difikirkan maknanya seperti bilangan rakaat solat, puasa dan yang serupa dengannya, tidak boleh diqiyaskan. Qiyas tidak boleh berlaku melainkan pada suatu makna yang menghendaki hukum. Apabila hukum itu tidak dapat dikeluarkan maknanya, tidak boleh qiyas".

Imam Syafie menolak Qiyas menyapu di atas serban, kelubung dan sarung tangan sebagai ganti membasuh anggota wudhu' sebagaimana hukum menyapu dua khuff. Penolakan ini bukan disebabkan perkara ibadah, tetapi ia merupakan perkara ta'abudi, iaitu sesuatu yang tidak dapat difahami illah-nya. Imam Syafi'i mengatakan "Kami mengatakan tentang menyapu dua kasut tidak boleh diqiyas atasnya serban, kelubung dan dua sarung tangan. Demikian kami katakan tentangnya, kerana ia merupakan fardu wuduk yang dikhususkan dua kasut secara khusus.

- 2- Qiyas tidak dibolehkan dalam ibadat dan kadar (seperti Jumlah Rakaat) kerana perkara ibadat tidak boleh difikirkan makna.

Menurut al-Asmadi al-Hanafi dalam Kitab Bazl al-Nazar fi al-Usul "Qiyas ialah penetapan hukum berdasarkan kepada tanda yang dirasakan sabit hukum dengannya berdasarkan kepada akal manusia. Akal tidak boleh digunakan untuk menambah bilangan solat yang keenam dan menentukan nisab unta ... maka tidak boleh menetapkannya dengan Qiyas"

Aliran ini berpandangan bahawa sesuatu hukum itu ditetapkan dengan dilalah lafaz nas bukan dengan ijtihad dan istinbat. Maka, sekiranya ada illah, ia boleh diaplikasikan kepada perkara yang lain. Hukum yang dikeluarkan daripada dilalah nas diambil dari bahasa nas itu sendiri yang setaraf dengan illah hukum. Illah merupakan dalil yang berteraskan kepada makna nas dan apa yang dapat difahami berdasarkan bahasa yang digunakan. Maka ia adalah itu lafaz, bukan isu qiyas. Maka, hukum ibadat ditetapkan dengan lafaz bahasa nas, bukan dengan qiyas.

Pandangan aliran ini tidak kuat kerana terdapat hukum yang boleh dikeluarkan illahnya biarpun dalam ibadat. Kalau tidak menggunakan illah, maka banyak hukum yang terbatal dan ia akan mendatangkan masalah kepada orang Islam. Penerimaan Qiyas hanyalah dalam perkara yang ada illah, bukan dalam semua perkara. Ini telah terbukti dengan banyak dalil dari Rasulullah dalam penggunaan Qiyas dan penggunaan Qiyas dapat memastikan banyak perkara baharu yang berlaku ditetapkan hukumnya.

Penghujahan Qiyas Dalam Ibadah

Terdapat banyak hukum yang ditentukan berdasarkan kepada Qiyas sejak zaman Rasulullah lagi. Sungguhpun penentuan hukum pada zaman Rasulullah berdasarkan kepada al-Quran dan Hadis, Rasulullah telah menunjukkan aplikasi hukum berdasarkan kepada Qiyas. Ini bermakna bahawa Rasulullah telah mengamalkan Qiyas dan ia boleh menjadi sumber dalam menetapkan sesuatu hukum dalam perkara yang tiada nas. Berikut adalah antara hukum yang ditetapkan dalam ibadat berdasarkan kepada kaedah Qiyas.

1. Qiyas kewajipan membayar haji nazar ke atas kewajipan membayar hutang.

Rasulullah SAW mewajibkan waris membayar haji nazar seseorang yang sudah meninggal dunia berdasarkan kepada kewajipan membayar hutang orang yang sudah meninggal dunia kerana ada persamaan hukum di situ. Sebagaimana hutang mesti dibayar, begitu juga haji nazar juga perlu dibayar kerana ia juga merupakan suatu kewajipan ke atasnya yang mesti ditunaikan. Rasulullah menggunakan Qiyas amalan haji dengan hutang biarpun amalan haji tersebut merupakan suatu ibadah.

Hadis diriwayatkan dari Ibnu Abbas, beliau berkata:

أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ جَاءَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: إِنَّ أُمِّي نَذَرَتْ أَنْ تَحُجَّ، فَلَمْ تَحُجَّ حَتَّى مَاتَتْ؛ أَفَأَحُجُّ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ حُجِّي عَنْهَا؛ أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمِّكَ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَةً؟ أَقْضُوا اللَّهَ؛ فَإِنَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ.

Maksudnya: Seorang wanita dari Juhainah, berjumpa dengan Rasulullah SAW dan berkata: “Sungguhnyanya ibuku pernah bernazar melakukan haji, tetapi dia tidak sempat berbuat demikian sehingga dia meninggal dunia. Apakah aku boleh melakukan haji untuknya?” Rasulullah SAW menjawab: “Ya, lakukan haji untuknya. Tahukah kamu, seandainya ibumu mempunyai hutang, apakah kamu membayarnya?. Tunaikanlah hutang-hutang Allah, sebab hutang Allah lebih patut dipenuhi (Riwayat al-Bukhari)

2. Qiyas tidak batal puasa bercium ke atas hukum berkumur

Rasulullah SAW menjelaskan bahawa mencium isteri tidak membatalkan puasa berdasarkan kepada hukum berkumur kerana kedua amalan ini masih tidak lagi melanggar hukum puasa. Keduanya hanya baru tahap menghampiri sahaja, bukan membatalkan lagi. Dalam Hadis Riwayat Umar Ibn al-Khattab, Rasulullah menggunakan Qiyas kerana ada persamaan iaitu amalan itu hanya menghampiri batal, tidak batal lagi. Kedua amalan itu termasuk dalam ibadat.

قال عمر بن الخطاب رضي الله عنه: هَشَشْتُ، فَقَبَّلْتُ وَأَنَا صَائِمٌ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، صَنَعْتُ الْيَوْمَ أَمْرًا عَظِيمًا قَبَّلْتُ، وَأَنَا صَائِمٌ، قَالَ: «أَرَأَيْتَ لَوْ مَضْمَضْتَ مِنَ الْمَاءِ، وَأَنْتَ صَائِمٌ»، قُلْتُ: لَا بَأْسَ بِهِ، ثُمَّ اتَّفَقَا قَالَا: «فَمَهُ»»

Maksudnya: Pada suatu hari aku terpesona, lalu aku mencium isteriku, padahal aku dalam keadaan berpuasa. Kemudian aku berjumpa dengan Rasulullah SAW, dan terus bertanya: “Hari ini aku telah melakukan perkara yang besar, yakni aku mencium isteriku, padahal aku berpuasa.” Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Bagaimana pendapatmu andai kata kamu berkumur-kumur, padahal kamu berpuasa?” Aku menjawab “Hal itu tidak mengapa”. Maka kenapa (kamu bertanya kepadanya)? (Riwayat Abu Daud)

3. Qiyas tayammum menggantikan mandi wajib ke atas tayammum ketiadaan air.

Rasulullah memperakui tindakan ‘Amr ibn al-Ash yang bertayammum bagi menggantikan mandi wajib kerana takut mudarat pada dirinya. Situasi ‘Amr ialah keberadaannya dalam musim sejuk yang boleh memudaratkan dirinya apabila menggunakan air untuk mandi. Tidak mampu menggunakan air dalam situasi ini adalah sama dengan situasi ketiadaan air kerana persamaan dalam kedua situasi iaitu tidak boleh menggunakan air.

عن عمرو بن العاص رضي الله عنه أنه قال لما بعثه النبي صلى الله عليه وسلم عام ذات السلاسل قال احتلمت في ليلة باردة شديدة البرد فأشققته إن اغتسلت أن أهلك فتيممت ثم صليت بأصحابي صلاة الصبح قال فلما قدمت على رسول الله صلى الله عليه وسلم ذكرت ذلك له فقال يا عمرو صليت بأصحابك وأنت جنب قال قلت يا رسول الله إني احتلمت في ليلة باردة شديدة البرد فأشققته إن اغتسلت أن أهلك فذكرت قول الله "وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا" فتيممت ثم صليت فصحك رسول الله صلى الله عليه وسلم ولم يقل شيئاً

Maksudnya:

Aku bermimpi pada malam yang sejuk dalam peperangan Zat al-Salasil. Aku takut ditimpa mudarat kalau aku mandi. Maka aku bertayammum dan kemudian aku solat Subuh dengan para sahabat yang lain. Mereka mengadakan perkara itu kepada Rasulullah. Lalu Baginda bersabda: Wahai Amru, engkau Solat Subuh dengan para sahabat sedangkan engkau berjunub? Aku memberi tahu Rasulullah perkara yang menghalang aku untuk mandi. Aku mendengar Allah berfirman “Kamu jangan membunuh dirimu, Sesungguhnya Allah menyayangi mu”. Rasulullah ketawa dan Baginda tidak mengulas apa-apa. (Riwayat Abu Daud)

Ini adalah tiga contoh Qiyas yang dilakukan dan diperakukan oleh Rasulullah dalam aspek ibadat. Ini bererti bahawa Qiyas dalam ibadat dibolehkan.

Berikut adalah contoh-contoh Qiyas dalam ibadat:-

1. Tidak dianggap najis bangkai serangga yang tidak mempunyai darah dan susah menjaganya berdasarkan kepada Qiyas ke atas hukum lalat.
2. Batal wuduk memegang punggung berdasarkan kepada Qiyas ke atas hukum batal memegang zakar / faraj.
3. Sunat menggunakan berus gigi berdasarkan kepada Qiyas ke atas kayu sugi.
4. Sunat sapu kepala ketika wuduk sebanyak tiga kali berdasarkan kepada Qiyas ke atas membasuh anggota lain sebanyak tiga kali.
5. Tidak wajib solat ke atas orang hilang akal berdasarkan kepada Qiyas ke atas hukum tidak wajib solat ke atas orang gila.
6. Sunat penggunaan seruan “al-Solat Jamiah” dalam panggilan solat sunat yang dilakukan secara berjemaah berdasarkan kepada Qiyas ke atas penggunaan seruan ini dalam solat gerhana bulan/ matahari.
7. Sunat berpaling muka ke kanan/kiri ketika Iqamah berdasarkan kepada Qiyas ke atas sunat berpaling muka ketika azan.
8. Penentuan bentuk Khutbah Hari Raya berdasarkan kepada Qiyas ke atas Khutbah Jumaat
9. Penentuan bilangan zakat kerbau berdasarkan kepada Qiyas ke atas lembu
10. Haram potong kuku berdasarkan kepada Qiyas ke atas haram gunting rambut ketika ihram

Qiyas tidak mencipta ibadat

Qiyas tidak boleh mencipta ibadah yang baharu seperti mencipta solat yang ke enam dan menambah rukun solat. Namun, ia digunakan untuk membangunkan sesuatu hukum yang baharu berdasarkan kepada persamaan illah pada hukum yang sedia ada. Contohnya tayamum ketika keuzuran iaitu ketiadaan air atau tidak boleh menggunakan air. Maka diqiyaskan kepada mana-mana perkara yang mempunyai keuzuran dalam menggunakan air. Begitu juga dengan solat di atas kenderaan yang kalau dahulu Rasulullah solat di atas unta, dan sekarang solat di atas kapal terbang. Adapun ibadat mahdah, ia merupakan ketetapan yang tidak dapat dilogikkan dengan akal seperti ketentuan solat terawih 8 atau 20 rakaat. Ia tidak boleh diluaskan bukan dalam bulan Syawal kerana bilangan rakaat itu adalah ketetapan yang tidak boleh dicari alasannya.

Dalam menentukan illah dalam sesuatu hukum, tidak semua illah itu boleh diterima semua dan disepakati. Mungkin ada perkara yang ulama berbeza pandangan dalam menanggapi.

Sekiranya sekumpulan ulama menerima illah dalam sesuatu hukum, maka ulama yang menolak itu tidak boleh menafikan pandangan mereka. Ia merupakan perkara yang bersifat ijtihadi. Dengan ini, akan terdapat perbezaan dalam kalangan mereka dalam menentukan illah dalam perkara ibadat itu.

Begitu juga, ada hukum bagi sesetengah masalah yang ditentukan dengan Qiyas, tetapi Qiyas bukanlah satu-satunya dalil yang digunakan dalam masalah itu. Ia salah satu dalil dari pelbagai dalil yang lain. Maka hukum atas perkara tidak boleh ditolak dengan mudah atas alasan Qiyas di situ lemah kerana kelemahan dari sudut illah. Mungkin terdapat dalil yang lain manakala Qiyas salah satu daripadanya.

Nota:

Tiada kelihatan illah atau tidak mampu mengeluarkan illah bukan bererti sesuatu hukum itu tidak mempunyai sebarang illah atau hikmah. Ada yang dapat difikirkan oleh manusia dan sebahagian lagi ada yang tidak dapat difikirkan oleh manusia. Pasti di sisi Allah ada sesuatu yang membawa kepada kebaikan dan maslahah kepada manusia.

Kesimpulan

Penggunaan Qiyas dalam ibadah dibenarkan dalam Islam dengan syarat mempunyai persamaan dalam illah. Pandangan sesetengah pihak yang menolak Qiyas dalam ibadat ini merupakan pandangan yang tidak diterima kerana banyak dalil dan hukum yang telah sabit dengan Qiyas. Perbezaan pandangan boleh berlaku tentang kedudukan illah itu antara kumpulan ulama yang menerimanya sebagai illah dan kumpulan ulama yang menolaknya. Keduanya adalah ijtihad dan tidak boleh memaksa pandangan terhadap orang lain. Memang benar ada kaedah “Asal dalam ibadat ialah tawaqquf”, namun ia kaedah ini tidak menghalang Qiyas. Kalau yang dimaksudkan di sini ialah tawaqquf sehingga tidak boleh menggunakan Qiyas, kaedah ini tidak boleh diterima secara mutlak. Qiyas tidak mencipta ibadat baharu tetapi Qiyas meletakkan hukum ada perkara yang baharu kerana ada persamaan illah. Qiyas dalam ibadat telah sabit dengan dalil, manakala kaedah tidak boleh mengatasi dalil.

Disediakan oleh
Dr. Muhamad Faisal
faisal@ukm.edu.my

بذل النظر في الأصول، محمد بن عبد الحميد الأسمندي الحنفي (ت 552 هـ)، تحقيق:
د. محمد زكي عبد البر، القاهرة: مكتبة دار التراث، ط 1، 1412 هـ- 1992 م